

## **PEMBINAAN KOMPETENSI AGROPRENEUR MUDA DI MALAYSIA**

**<sup>1</sup>Suhaya Binti Yaakub & <sup>2</sup>Mohd Mursyid Arshad\***

<sup>1,2</sup>Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra  
Malaysia,

43400 Serdang, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [m\\_mursyid@upm.edu.my](mailto:m_mursyid@upm.edu.my)

**Published online:** 28 Jun 2022

**To cite this article:** Yaakub, S. B., Arshad, M. M., Pemajuan, J., & Lanjutan, P. (2022). Pembinaan kompetensi agropreneur muda di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Youth Studies (APJYS)*, 1(1), 76-100. <https://doi.org/10.56390/apjys2022.1.1.5>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.56390/apjys2022.1.1.5>

### **ABSTRACT**

*Competency development covers aspects of knowledge, attitude and skills to do a job effectively and efficiently which in turn can help youths build certain standards in themselves in delivering devotional service to become important people in the family, community and country. This study is to explore the aspects of competency building by Young Agropreneur participants. This study was conducted using case study qualitative research methods. The researcher used the Young Agropreneur Program (PAM) as a context for the collection of study data and a total of three (3) informants were interviewed as study informants. In addition to the interview method, the researcher has used several documents to support the findings of the study such as report documents and field notes of the researcher. Data analysis was done using constant comparative technique that is data analysis to reach a saturation point by forming codes, categories and themes to answer research questions. The results of the study found that (PAM) contributes to the development of competencies among Young Agropreneurs covering four (4) elements, namely increasing the knowledge of entrepreneurs in business, strengthening skills, strengthening self-image and creating effective business networks. In conclusion, the competency development component formed to be the catalyst for the success of Young Agropreneurs in the element of Positive Youth Development (PYD) as well as the ability to generate income and create high job marketability opportunities, especially in the field of agro entrepreneurs. Therefore, the researcher hopes that the empowerment of this agro entrepreneur competency development program will be intensified by taking into account the current aspirations and needs of Young Agropreneurs in building more competitive and resilient competencies.*

**Keywords:** *Competency development, young agropreneur, agro entrepreneurs, positive youth development.*

## ABSTRAK

Pembangunan kompetensi meliputi aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran melakukan sesuatu pekerjaan secara efektif dan efisien seterusnya dapat membantu belia membina standard tertentu dalam dirinya dalam menyampaikan khidmat bakti menjadi orang penting dalam keluarga, komuniti dan negara. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek pembinaan kompetensi yang diperolehi oleh peserta Agropreneur Muda. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif kajian kes. Pengkaji menggunakan Program Agropreneur Muda (PAM) sebagai konteks bagi pengumpulan data kajian dan seramai tiga (3) orang informan telah ditemubual sebagai informan kajian. Selain kaedah temu bual, pengkaji telah menggunakan beberapa dokumen untuk menyokong dapatan kajian seperti dokumen laporan dan nota lapangan pengkaji. Penganalisan data telah dibuat menggunakan teknik constant comparative iaitu analisis data sehingga mencapai titik ketepuan dengan membentuk kod, kategori dan tema bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati (PAM) menyumbang kepada pembangunan kompetensi dalam kalangan Agropreneur Muda meliputi empat (4) elemen iaitu peningkatan pengetahuan usahawan dalam perniagaan, memperkasakan kemahiran, mengukuhkan imej sendiri serta mewujudkan jaringan perniagaan yang berkesan. Secara kesimpulannya, komponen pembangunan kompetensi yang terbentuk menjadi pemangkin kejayaan Agropreneur Muda dalam elemen Pembangunan Belia Positif (PYD) serta berupaya menjana pendapatan dan mewujudkan peluang kebolehpasaran pekerjaan yang tinggi khususnya dalam bidang usahawan agro. Justeru itu pengkaji berharap pemeraksanaan program pembangunan kompetensi usahawan agro ini disemarakkan dengan mengambilkira aspirasi dan keperluan semasa Agropreneur Muda dalam membina kompetensi yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

**Kata kunci:** Pembangunan kompetensi, agropreneur muda, usahawan agro, pembangunan belia positif.

## PENGENALAN

Pembangunan belia merupakan salah satu komponen penting dalam elemen pembangunan sumber manusia (PSM) yang merangkumi fungsi latihan dan pembangunan, pembangunan kerjaya dan pembangunan organisasi manakala aspek pembelajaran modal insan merupakan suatu pelaburan dalam pendekatan sumber manusia bagi sesebuah organisasi Bratton dan Gold (1999); Swanson dan Holton, (2001); Vinesh (2014) dalam Faeq Hamad Abed Mahidy Alhalboosi (2018). Menurut Vasantham (2015), dalam Faeq Hamad Abed

Mahidy Alhalboosi (2018), peranan PSM kini tidak hanya terhad kepada faedah organisasi namun dianggap sebagai kunci dalam menghubungkan peningkatan produktiviti serta keuntungan yang memberi impak yang lebih besar kepada organisasi. Salah satu pendekatan yang memberi impak lebih besar kepada organisasi adalah keprihatinan terhadap fungsi latihan dan pembangunan dalam aspek kompetensi modal insan melalui proses pengembangan kemahiran, pengetahuan dan sikap. Ini jelas dinyatakan oleh Nur Fatimah Abdullah Bandar (2009), bahawa kompetensi dapat mengukur pelaksanaan latihan dan pembangunan yang mampan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks pekerja, kompetensi merupakan piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani Ibrahim et. al, 2015).

Pembangunan kompetensi ditakrifkan sebagai perubahan positif atau pengembangan dalam tahap kecekapan individu (De Vos et al.2015). Manakala menurut Guillen dan Saris (2013), komponen kompetensi merangkumi sikap, keupayaan seseorang atas penghasilan produk yang diinginkan dengan jayanya. Kajian yang dilaksanakan Shuhairimi et. al. (2012), dalam Mohamad Izzuan Ishar (2018), terdapat tiga (3) aspek utama dalam kompetensi keusahawanan yang digariskan oleh iaitu kompetensi tingkahlaku, kompetensi memulakan perniagaan serta pengurusan perusahaan. Manakala dapatan kajian oleh Wedathanthrige (2014), telah menyenaraikan komponen utama kompetensi keusahawanan adalah melibatkan aspek keberanian dalam pengurusan risiko, rangkaian hubungan dalam perusahaan, perancangan yang teliti serta keyakinan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Boyatzis (2011), berpandangan kompetensi sinonim dengan kepakaran, keupayaan atau pengalaman usahawan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan. Elemen kompetensi keusahawanan diterjemahkan sebagai gabungan unsur tingkah laku, ciri-ciri peribadi, pengetahuan, peranan sosial, keinginan dan kemahiran seseorang yang diperlukan dalam meneroka, membangun dan mengembangkan perniagaan (Haziah et al., 2013). Strategi yang memfokus kepada aspek pembangunan kompetensi boleh digilap menerusi program pembelajaran dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia secara berterusan dan menyeluruh. Menurut Zaidatol dan Habibah (1997) dan Ooi (2008) dalam R Nagarathanam (2015), bagi melahirkan usahawan-usahawan yang baru, pendidikan dan latihan usahawan adalah amat penting untuk diterapkan kepada diri seseorang individu. Penerapan latihan usahawan dapat dijadikan budaya secara tidak langsung dapat membangunkan kompetensi belia mendepani sebarang ujian dan cabaran dengan positif. Situasi ketidakpastian pasaran buruh serta ditambah dengan situasi pandemik COVID-19 telah mengubah landskap dunia pekerjaan di mana majikan memerlukan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan industri (*Malaysian National Federation of Youth Workers (FKPB)*). Menurut Abdul Rashid, S. M. R., dan Hassan, F. (2020), kesan COVID-19 telah membentuk norma baharu dalam perniagaan di mana seseorang usahawan perlu memantapkan kompetensi dengan mengoptimalkan

penggunaan teknologi digital demi mempelbagaikan sumber pendapatan. Justeru itu, keprihatinan dalam aspek pembangunan kompetensi ini perlu diberi penelitan sebagai penandaaras kepada tahap kecekapan seseorang usahawan dalam melaksanakan tugas dengan jayanya berbanding dengan individu lain. Melalui bidang keusahawanan yang tumbuh dengan jayanya ini secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan ekonomi negara dengan mewujudkan peluang kerja dan mengurangkan kadar pengangguran dalam dunia ekonomi yang mencabar kini (Syed, 2013). Di samping itu, dapat mengubah persepsi dan pemahaman belia bahawa bidang agro tidak memberi jaminan kehidupan berkualiti serta dikelaskan sebagai 3D '*Dirty, Difficult and Dangerous*' (sukar, berbahaya, kotor) serta tidak mempunyai masa depan yang cerah (Berita Harian, Ogos 4, 2020). Di Malaysia, kajian berkaitan kompetensi keusahawanan masih kurang dibincangkan sungguhpun konsep kompetensi keusahawanan ini merupakan aspek yang perlu dititikberatkan dalam memastikan kejayaan sesebuah perniagaan (Brinckmann, 2008). Kebanyakan kajian memfokus kepada bidang pendidikan keusahawanan (Norasmah 2002; Nor Aishah et al. 2005; Norasmah et al. 2006) dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Malah menurut Mitchelmore dan Rowley (2010), walaupun kini kerajaan dan agensi lain turut menggalakkan bidang keusahawanan namun kajian lebih lanjut perlu dilaksanakan dalam mengkaji sudut kecekapan secara praktikal melibatkan hubungan kompetensi dengan prestasi seseorang individu yang bergelar usahawan.

Keprihatinan terhadap elemen kompetensi turut disaran oleh Rothwell (2010), kerana ia merupakan asas utama bagi sebuah pengurusan yang efektif. Malah menurut Abdullah Hamid (2014), kompetensi ternyata mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi kerja. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk merungkaikan persoalan kajian bagaimana PAM menyumbang kepada aspek pembangunan kompetensi Agropreneur Muda (PAM)? Berdasarkan persoalan berkenaan, PAM merupakan program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Program ini dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Pendekatan PAM bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti di dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan. Secarapraktisnya kajian ini berpotensi mengubah persepsi dan pemahaman terhadap bidang keusahawanan agro sebagai kerjaya kelas kedua, tidak mempunyai masa depan yang cerah serta mengikis mentaliti makan gaji. Ini kerana melalui pembentukan pembangunan kompetensi mampu meningkatkan prestasi serta berpotensi menjana pendapatan serta mewujudkan kebolehpasaran pekerjaan. Secara keseluruhannya hasil kajian ini juga turut menyumbang kepada teori pembangunan sumber manusia dibawah bidang latihan dan pembangunan

berdasarkan skop pembangunan kompetensi dengan bidang penyelidikan berkaitan keusahawanan agro.

## **SOROTAN LITERATUR**

### ***Definisi Dan Konsep Pembangunan Kompetensi***

Menurut McClelland (1973), dalam konteks pengurusan sumber manusia pembangunan kompetensi merujuk kepada pembangunan elemen kemahiran, pengetahuan, karakter, motivasi, hubungan sosial dan imej diri yang diperlukan untuk memperolehi prestasi kerja yang lebih unggul dan berkesan. Manakala menurut Boyatzis dan Kolb (1995), konsep pembangunan kompetensi merangkumi komponen kebolehan, pendidikan dan perjalanan yang diharungi oleh seseorang individu yang bergelar usahawan untuk memperoleh kejayaan. Selain daripada itu, pembangunan kompetensi turut didefinisikan sebagai inisiatif individu membangunkan tahap kecekapan melalui pelbagai aktiviti pembangunan yang ditawarkan melalui latihan oleh organisasi, pembelajaran secara formal atau tidak formal (Van der Heijden, Boon, et al., 2009; Van der Heijden, de Lange, et al., 2009).

Dapatan kajian D. Mohanakumaria dan R. Magesh (2017), turut menyatakan bahawa proses pembangunan kompetensi daripada latihan dan pembangunan yang dianjurkan oleh sesebuah organisasi memberi impak kepada kepuasan seseorang pekerja. Berdasarkan dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan kompetensi melibatkan proses latihan dan pembangunan yang memberi impak positif kepada sikap pekerja dan peningkatan prestasi organisasi secara amnya. Melalui konsep pembelajaran yang bersesuaian akan memberi impak kepada aspek kemajuan diri seterusnya meningkatkan kompetensi seseorang individu (Mansor et al., 2016). Kajian oleh Ahmad et al., (2013); Carnevale & Smith (2013); Cascio & Montealegre (2016) di dalam Oberländer et al., (2020), turut menekankan bahawa untuk meningkatkan kompetensi diri seseorang individu adalah dengan melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat. Ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu elemen penting dalam komponen pembangunan kompetensi. Mohd Nor Hakimi et al., (2015), turut menyatakan seseorang usahawan bukan hanya fokus kepada produk sebaliknya elemen pengetahuan juga perlu dipertingkatkan bagi menguruskan sesebuah perniagaan. Selain daripada itu, pembangunan kompetensi juga dapat ditingkatkan melalui sokongan yang diperolehi daripada faktor persekitaran. Kenyataan ini turut disokong daripada hasil kajian oleh Yuniar Aviati dan Teguh Endaryanto (2019), yang mendapati pembangunan kompetensi seseorang usahawan tani dipengaruhi oleh aktiviti penglibatan dengan masyarakat sekitar di mana ia akan memberi refleksi kepada peningkatan pembelajaran yang diperolehi daripada faktor persekitaran. Selain itu, sokongan mentor turut merupakan elemen kepada pembangunan kompetensi seseorang usahawan seperti kajian oleh

Baluku et al., (2018); Mehtap et al., (2017); Taylor (2008), yang turut menekankan pendekatan mentor memberi kesan positif kepada dalam bidang keusahawan. Malah menurut Antoncic (2001) dan Fullan (2011), seseorang yang mampu mengadaptasi terhadap perubahan persekitaran turut menyumbang kepada ciri pembangunan kompetensi yang terbaik.

Ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan kompetensi tidak hanya terhad kepada elemen pengetahuan dan kemahiran sahaja malah merangkumi proses interaksi dengan orang lain dalam konteks sosial (Sanghi, 2007). Menurut kajian oleh Le Dinh et al. (2018), terdapat hubungan signifikan antara perkembangan perniagaan dengan keupayaan untuk berkongsi maklumat melalui pembentukan jaringan hubungan. Selain daripada itu, penemuan kajian oleh Camuffo, A., Gerli, F. dan Gubitta, P. , (2012), berhubung kepentingan kompetensi kepada usahawan di timur laut Itali turut menemui bahawa peranan pembuat dasar, insentif pelaburan dan sokongan secara langsung diperlukan dalam aspek pembangunan kompetensi. Dengan adanya peranan institusi, mampu membangunkan kompetensi dalam aspek pengetahuan dan kepakaran serta membuka peluang kepada masyarakat (Chang, 2010). Jelas bahawa melalui sistem sokongan dan interaksi terhadap persekitaran yang berkesan berupaya meningkatkan pembangunan kompetensi belia yang mampan khususnya sebagai seorang usahawan. Penumpuan kajian ini adalah kepada Teori Pembangunan Kompetensi dan Model '5C' kerana ia merupakan model asas untuk mengenalpasti pembentukan aspek pembangunan kompetensi serta pengukuhan elemen PYD melalui penyertaan PAM.

### ***Program Agropreneur Muda (PAM)***

Program Agropreneur Muda bermula pada tahun 2014 yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dilaksanakan untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun bagi melahirkan usahawan muda yang progresif, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berpendapatan tinggi di dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Menurut Van Laar et al. (2017), aspek pendidikan merupakan keperluan bagi menghasilkan modal insan yang berkemahiran agar mampu berdaya saing dan kompeten. Pendekatan program ini adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan bidang keusahawanan agro merangkumi semua aktiviti berasaskan keusahawanan agromakanan di dalam rangkaian nilai industri agro seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

Selain itu, program ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan Agropreneur Muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif. Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Norhidayati Hassan dan Muhammad Hussin (2018), elemen

kemahiran merujuk kepada kebolehan seseorang individu yang diperlukan serta mudah dipamerkan. Kajian oleh Kasim et al., (2014), mendapati program pemerksaan intervensi (seperti dalam bidang keusahawanan) mengukuhkan kemahiran sosial, aspirasi yang tinggi, kawalan emosi, dan harga diri dan mengurangkan penghijrahan di kalangan belia di luar bandar dan komuniti terpinggir. Selain daripada itu, penganjuran program pendidikan keusahawanan ini juga mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap minat dalam bidang keusahawanan (Mohar Yusof et. Al., 2009). Manakala Robles dan Zárrega-Rodríguez (2015), pula menyatakan, terdapat tiga (3) lapisan utama kompetensi usahawan yang merangkumi motivasi dan ciri-ciri, peranan sosial, dan konsep diri.

### ***Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (Iceberg Competency Model) oleh Spencer dan Spencer (1993)***

Kajian ini mengadaptasi model kompetensi Iceberg kerana sangat popular digunakan dalam penyelidikan terutamanya dalam mengkaji aspek kompetensi dalam kajian berkaitan pembangunan sumber manusia. McLagan (1980), memperkenalkan model kompetensi sebagai asas untuk merancang, menyelaras, mengintegrasikan dan memperbaiki aspek pembangunan sumber manusia dengan membangunkan latihan dan pembangunan berasaskan kompetensi. Bertitik tolak dari model McLagan ini, Boyatzis (1982), memperkenalkan model kompetensi kerja, diikuti Spencer dan Spencer (1993), yang popular dengan model kompetensi iceberg. Model ini mengandungi lima (5) elemen kompetensi iaitu kemahiran, pengetahuan, konsep sendiri, trait dan motif. Elemen kemahiran merujuk kepada kebolehan atau kemampuan seseorang melaksanakan sesuatu tugas. Manakala pengetahuan merujuk kepada kebijaksanaan atau tahap pendidikan seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu dengan jayanya. Elemen konsep sendiri merujuk kepada persepsi terhadap diri atau proses menentukan tingkahlaku seseorang individu seperti berpuas hati dengan pencapaian diri. Trait adalah merujuk kepada sifat, keperibadian atau personaliti yang melambangkan karektor seseorang individu. Lapisan paling bawah dalam model ini adalah motif iaitu sebab seseorang melaksanakan sesuatu bagi tujuan kemajuan diri. Sorotan kajian lepas berasaskan teori Spencer dan Spencer (1993), oleh Rosi (2018); Rao (2018), turut mendapati elemen pendidikan, kemahiran dan sifat melambangkan kompetensi dalam seseorang individu.

### ***Model Pembangunan Belia Positif (PYD)***

Istilah ini diilhamkan oleh Lerner (2005), dengan menetapkan elemen '5C' iaitu, Cepak (*Competent*), Keyakinan (*Confident*), Pengikatan (*Connection*), Penyayang (*Caring*) dan Karakter (*Character*) dalam pembentukan Pembangunan Belia Positif (PYD). Penghasilan nilai positif ini turut dipengaruhi peranan yang dimainkan dan dipengaruhi oleh aset dalaman dan aset luaran (Lerner 2005). Kajian lepas menunjukkan pendekatan pembangunan belia positif merupakan pendekatan berasaskan teori yang tidak mengutamakan defisit belia,

malah mengutamakan potensi, bakat dan kemahiran yang belia miliki (Tolan et al., 2016). Pengukuhan aset dalaman dan aset luaran diadaptasi dari kerangka pembangunan aset yang diperkenalkan oleh Peter Benson dan rakan-rakannya dari Institut Penyelidikan (e.g., Benson, 2008; Benson et al., 2011).

Pembangunan aset dalaman atau individu merujuk kepada kemahiran, kecekapan dan nilai yang dimiliki oleh seseorang belia itu, manakala aset luaran merujuk kepada hubungan belia dengan ciri-ciri persekitaran sosial (Benson, 2008). Aset dalaman mempunyai empat kategori iaitu bagi aset dalaman kategori (1) komitmen untuk belajar, (2) nilai positif, (3) kecekapan sosial, dan (4) identiti positif (e.g., Benson, 2008; Benson et al., 2011). Penekanan kepada aplikasi pembangunan aset ini adalah bagi mengetengahkan peranan masyarakat dalam memupuk kesejahteraan dan perkembangan positif di kalangan belia. Ini jelas berdasarkan kajian sebelum ini yang membuktikan pembangunan aset membantu masyarakat untuk membangunkan matlamat pembangunan belia yang positif dalam tempoh jangka masa panjang (Institut Penyelidikan, 2015).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif berdasarkan kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada faedah yang diperolehi Agropreneur Muda dalam aspek pembangunan kompetensi serta menyelami faedah yang diperolehi dalam menyumbang secara langsung kepada pembentukan elemen-elemen pembangunan belia positif (PYD). Penetapan kaedah kajian kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian ini yang bersifat penerokaan serta berdasarkan kesesuaian persoalan kajian bagi mendapatkan maklumbalas dari responden dengan lebih mendalam. Menurut Crawford & Irving (2009), kaedah penyelidikan kualitatif reka bentuk yang sesuai adalah eksploratif manakala untuk penyelidikan kuantitatif adalah penjelasan (Robson, 2011). Selain itu, menurut Creswell dan Poth (2018), kaedah penyelidikan kualitatif dalam penyelidikan berdasarkan kesesuaian penggunaan kaedah berkenaan dengan persoalan kajian untuk mendapatkan maklum balas daripada responden dengan lebih mendalam melalui situasi yang dialami oleh informan. Seterusnya bagi kaedah persampelan, pengkaji telah memilih bentuk persampelan bertujuan di mana informan adalah terdiri dari golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun yang menyertai dalam (PAM) mengikut ketetapan MAFI. Kriteria pemilihan ini adalah memastikan pengkaji dapat pelbagai maklumat melalui informan yang dalam kalangan Agropreneur Muda menyertai dalam program yang dianjurkan serta bagi memastikan peserta yang dipilih kaya dengan informasi dalam bidang usahawan agro. Selain daripada itu, melalui kaedah ini, pengkaji berpeluang untuk mendapatkan maklum balas serta maklumat yang bertepatan dengan persoalan kajian yang ditetapkan pengkaji. Tindakan seterusnya pengkaji telah bekerjasama dengan salah seorang Pegawai di Unit Agropreneur Muda, (MAFI) bagi mendapatkan maklumat Informan yang



berpadanan dengan kriteria yang telah ditetapkan. Persetujuan untuk Informan bersetuju sebagai Informan kajian turut memakan masa oleh kerana faktor kekangan masa serta komitmen Informan untuk ditemubual. Persetujuan untuk Informan bersetuju sebagai Informan kajian turut memakan masa oleh kerana faktor kekangan masa serta komitmen Informan untuk ditemubual. Pengkaji menjelaskan kepada informan akan latar belakang kajian dan tujuan pengkaji menjalankan kajian ini. Selain itu, pengkaji perlu turut menjelaskan kepada informan akan perkara yang diambil kira dalam pemilihan informan sebagai orang yang perlu ditemubual. Selain itu, aspek kerahsiaan perlu diterangkan kepada informan yang segala maklumat berkaitan informan akan dirahsiakan dan hanya pada pengetahuan pengkaji sahaja. Pengkaji tidak boleh berselindung dengan informan dan informan berhak untuk tidak ditemubual dan sesi temu bual juga bukan dilakukan dengan paksaan.

Susulan pengistiharan kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 lalu, proses pengumpulan data kaedah temu bual secara bersemuka telah berubah kepada kaedah temu bual secara atas talian melalui aplikasi seperti Google Meet mengikut kesesuaian dalam era pandemik Covid-19. Namun pengkaji berpeluang mengadakan temu bual secara bersemuka bagi kajian rintis yang turut digunakan sebagai data Informan 1. Namun bagi Informan 2 dan Informan 3 pengkaji telah melaksanakan temu bual secara atas talian menggunakan aplikasi Google Meet atas permohonan dan kesesuaian Informan 2 dan 3. Hasil maklum balas daripada ketiga-tiga Informan yang menyertai PAM dari pelbagai bidang agro telah membentuk kod, kategori dan tema serta telah mencapai titik ketepuan bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam (*in depth interview*) bagi mendapatkan data dengan lebih terperinci daripada informan. Kaedah ini didapati bersesuaian kerana pengkaji berpeluang mendapatkan butir-butir secara mendalam melalui perkongsian pengalaman serta latar belakang informan yang dapat memantapkan lagi kajian pengkaji.

Pengkaji menggunakan kaedah sesi temu bual semi berstruktur, proses ini memerlukan pengkaji untuk menyediakan set soalan terlebih dahulu sebagaipanduan dan membimbing pengkaji semasa temu bual dilaksanakan. Setelah selesai sesi temu bual, data yang dikumpul daripada informan akan dianalisis di mana pengkaji membuat penyalinan bagi setiap kata yang dirakam ke dalam bentuk transkripsi. Seterusnya proses penganalisaan data, pengkaji menggunakan teknik *constant comparative* iaitu analisis data sehingga mencapai titik ketepuan dengan membentuk kod, kategori dan tema bagi menjawab persoalan kajian. Bermula dengan proses penyusunan kod-kod dengan persamaan dan perbezaannya dan mengabstraknya menjadi sub-kategori dan akhirnya kategori. Setelah selesai proses mencari tema, semakan terakhir dilakukan bagi memilih tema yang bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian. Perisian Nvivo digunakan bagi memudahkan pengurusan data. Dalam memastikan tiada ruang

pertikaian ke atas hasil kajian, proses pengesahan dan kebolehpercayaan dilaksanakan ke atas hasil analisis kajian ini dengan memberi tumpuan kepada lima (5) proses iaitu triangulasi, member checking, penelitian rakan sebaya dan jejak audit.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### ***Butiran Informan***

Dapatan data oleh pengkaji diperolehi daripada informan yang terdiri daripada para Agropreneur Muda yang telah menyertai (PAM) anjuran (MAFI) yang merangkumi dari pelbagai rantaian nilai sektor agromakanan iaitu skop bidang tanaman (nenas), perikanan (udang kara) dan industri asas tani (produk makanan). Pengkaji telah menemubual seramai tiga (3) orang informan yang terdiri daripada peserta PAM dari pelbagai rantaian nilai sektor agromakanan seperti tanaman, perikanan dan industri asas tani dan proses analisis data adalah sehingga mencapai titik ketepuan dengan membentuk kod, kategori dan tema bagi menjawab persoalan. Maklumat berkaitan latar belakang informan merangkumi umur, skop program yang dihadiri serta jenis bantuan (geran) yang diperolehi adalah seperti **Jadual 1** di bawah:

### **Jadual 1**

#### *Profil Informan Kajian*

Informan	Umur	Skop Program Yang Dihadiri & Anjuran Agensi di bawah MAFI	Jenis Bantuan/ Geran Yang Diperolehi (RM)
Kajian Rintis/ Informan 1	40	Tanaman (Penanaman nenas) Jabatan Pertanian (DOA)	Bantuan sulur nenas (RM20,000.00)
Informan 2	35	Perikanan (Udang Kara) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Keperluan penternakan (RM30,000.00)
Informan 3	40	Industri asas tani (Produk Makanan) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Mesin Industri: <i>Blender Heavy Duty</i> (RM15,000.00)

***Bagaimana Program Agropreneur Muda menyumbang kepada aspek pembinaan kompetensi belia?***

Pengkaji telah mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian ini melalui kaedah temu bual secara mendalam dengan para Agropreneur Muda yang terlibat. Pembentukan tema dan kategori dibentuk daripada hasil temu bual sehingga mencapai titik ketepuan data di mana menurut Harding (2019), pengkaji menganalisis data dengan menggunakan teknik *constant comparative* sehingga mencapai titik ketepuan. Berasaskan kepada Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (Iceberg Competency Model) oleh Spencer dan Spencer, 1993 elemen pembangunan kompetensi merangkumi elemen kemahiran, pengetahuan, konsep sendiri, trait dan motif. Justeru itu, dalam mendalami bagaimana pembentukan elemen pembangunan kompetensi terhadap penglibatan belia dalam (PAM), model kompetensi ini diaplikasikan kerana mengintegrasikan aspek pembangunan sumber manusia melalui pembangunan latihan berasaskan kepada elemen pembangunan kompetensi. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi terdapat empat (4) tema yang merangkumi perkara-perkara bagi menjawab persoalan bagaimana (PAM) menyumbang kepada aspek pembangunan kompetensi Agropreneur Muda seperti berikut:

***i. Mewujudkan jaringan perniagaan yang berkesan***

(PAM) merupakan program insentif kerajaan memberi manfaat kepada usahawan dalam membimbing kerjaya sebagai usahawan agro yang kompetitif. Ianya selari dengan kenyataan oleh Yani (2012), di mana insentif merupakan sebuah rangsangan, dorongan yang bagi meningkatkan produktiviti kerja. Dapatan kajian daripada Informan juga menyatakan pelaksanaan program dibawah MAFI ini bermanfaat dan menawarkan peluang kepada usahawan agro untuk mengembangkan jaringan perniagaan melalui kenyataan Informan 3 berikut:

*“...Jadi ada sahabat saya yang memperkenalkan saya dengan MARDI dan juga bagi memberikan kita banyak kursus serta untuk menambahkan ilmu pengetahuan saya, ...”*

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, Informan 1 menyatakan (PAM) merupakan platform untuk beliau membina jaringan hubungan perniagaan yang menyatakan:

*“...Antara yang saya dapat ilmu yang kedua yang paling best networking. ...”*

Selain daripada itu, Informan 2 turut menyatakan bahawa (PAM) membuka peluang untuk mengembangkan perniagaannya:

*“...Pada ketika itu, kita melihat agropreneur muda sebagai satu peluang yang baik untuk kita kembangkan perniagaan dan kita try saya panjat terus ke kementerian. ...”*

Ini jelas menggambarkan bahawa (PAM) membina jaringan hubungan perniagaan serta memberi manfaat dalam kerjaya usahawan agro di mana ianya turut membantu dalam pelbagai aspek sumber dan fasiliti dalam melaksanakan aktiviti perniagaan dengan lebih sempurna. Malah menurut Le Dinh et al. (2018), terdapat hubungan signifikan antara perkembangan perniagaan dengan keupayaan untuk berkongsi maklumat melalui pembentukan jaringan hubungan.

### ***ii. Meningkatkan pengetahuan usahawan dalam perniagaan***

Selain membina jaringan hubungan perniagaan, (PAM) turut menyumbang kepada elemen meningkatkan ilmu pengetahuan asas perniagaan kepada usahawan. Ini berdasarkan kenyataan Informan 1 yang menyatakan:

*“...Tempoh masa pergi kursus saya mantapkan ilmu pertanian...”.*

Malah Informan 3 turut menyatakan melalui (PAM) beliau dapat meningkatkan ilmu mengenai penghasilan produk yang berkualiti seperti berikut:

*“...Disitu kursus selama 3 hari itu kita belajar bagaimana kita mencipta BMC, (Business Modul Canvas) adalah sebuah strategi bagaimana untuk seseorang usahawan dia nak marketkan dia punya produk, bagaimana dia nak menjual produk tu, bagaimana dia nak tingkatkan produk itu, di mana dia nak jual, semua itu kita belajar daripada AGORA. Business strategi melalui produk-produk usahawan bagaimana dia nak kembangkan perniagaan dia. Dari situlah saya bermula, saya ada team saya di mana kita nak menjual kita belajar, di mana kita nak menjual semua tu daripada AGORA...”*

Berdasarkan Teori Kompetensi Bungkah Ais Spencer dan Spencer (1993), elemen pengetahuan merupakan kompetensi yang mudah dilihat iaitu (*visible*). Pengetahuan dikategorikan sebagai kompetensi teknikal (*Technical Competency*) di mana ia amat diperlukan bagi membolehkan seseorang individu itu melakukan sesuatu tugas dengan sempurna. Dapatan Informan juga jelas bahawa elemen pengetahuan yang diperolehi daripada (PAM) membantu dalam meningkatkan kemajuan diri melalui pengetahuan secara asas dalam perniagaan. Informan 2 menyatakan beliau memperolehi pengetahuan asas pengurusan usahawan seperti berikut:

*“...Sepanjang saya tempoh berkursus dengan pihak Lembaga Pertubuhan Peladang ini memang banyak kursus-kursus yang berkaitan asas keusahawan tani contohnya diaorang bantu kitamacam mana nak setup business, macam mana nak buat perakaunan, nak buat marketing dalam pertanian dari situla saya melihat kenapa Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai agensi yang sangat penting...”.*

Tambah Informan 2, pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui sesi perkongsian ilmu tersebut dijadikan platform untuk berkongsi dengan belia lain:

*“...PAM untuk saya dapatkan platform untuk saya share saya punya knowledge dan kemahiran kepada belia-belia di dalam negara kita....”*

Berdasarkan hasil temu bual, seseorang usahawan bukan hanya fokus kepada produk sebaliknya elemen pengetahuan juga perlu dipertingkatkan bagi menguruskan sesebuah perniagaan (Mohd Nor Hakimi et al., 2015). Elemen pengetahuan juga merupakan elemen yang perlu ada kepada seseorang usahawan dalam menggerakkan perniagaan serta pengetahuan asas amat penting dalam mengendalikan perniagaan.

### ***iii. Mengukuhkan imej sendiri usahawan***

Hasil dapatan temu bual bersama Informan 3 turut menyatakan (PAM) membuatkan beliau lebih bersemangat dalam penghasilan produk:

*“...Saya lagi bersemangat untuk hasilkan production saya yang lebih. Usahawan kena praktikan sendiri mengikut kreativiti sendiri....”*

Informan 2 turut menyatakan bahawa (PAM) merangsang untuk lebih maju dalam kerjaya yang diceburi seperti kenyataan berikut:

*“...Ia sangat merangsang untuk kita kearah lebih maju, lebih memahami apa itu fungsi sistem pertanian secara generala. tapi sangat merangsang sebenarnya....”*

Selain daripada itu, Informan 1 turut menyatakan (PAM) meningkatkan motivasi melalui penyaluran bantuan geran yang diterima seperti kenyataan berikut:

*“...Kalau dari segi diri saya pertama dia sangat motivate saya, pastu tu lepas kita dah dengar dapat bantuan, kita dah.... eh lagi cepatla dari planning kita nak buat, kita dah ada sources dia, sumber bahan yang diperlukan bila dapat baja ...wahh lagi cepat aku tak perlulah masa nak beli baja sebab dah dapat bantuan, itu sepatutnya bila sebagai yang dapat geran sepatutnya dapat rasa cam tula sepatutnya menghargai apa yang dia dapat dan gunakan sebaik mungkin....”*

Pembelajaran yang diperolehi dari (PAM) turut memberi kesan dalam membina sikap untuk memajukan diri kepada peserta Agropreneur Muda. Ini melalui perkongsian temu bual bersama Informan 3 yang menyatakan bahawa beliau menghargai setiap peluang yang diberikan sebaiknya dalam memastikan kemajuan kerjaya sebagai seorang usahawan agro yang kompeten melalui kenyataan berikut:

*“...Secara general tapi incase kalau individu tu tak faham individu itu boleh angkat tangan dan tanya dengan Pensyarah tu lah, jadi pada saya masa tu saya fahamlah dan saya balik pada kursus tu saya praktikkan benda tu dan inilah hasilnya saya sekarang....”*

Tambah Informan 1 PAM beliau berkeyakinan untuk menginovasikan produk hasil nenas melalui jaringan hubungan perniagaan bersama usahawan lain yang turut hadir dalam PAM:

*“...Yang bagusnye kita berkongsi kemahiran dengan yang lain contohnya. Ada yang pandai buat tart nenas, ada yang boleh buat kek (pineapple, cheese cake) so benda tu berkait sebab bila kita berhubung tu maksudnya bila orang tu pandai inovasi, dia akan cuba untuk dapatkan ilmu dia atau pun GV amik skali produk dia jualkan ke....”*

Komponen keyakinan yang terbentuk melalui PAM membina peningkatan kerjaya sebagai usahawan agro dan pembangunan diri belia. Hasil temu bual bersama Informan di atas jelas menunjukkan melalui penguasaan pengetahuan, kemahiran seterusnya memberi refleksi kepada peningkatan efikasi sendiri dalam kalangan peserta Agropreneur Muda. Elemen sikap amat penting dalam melihat perubahan kepada seseorang usahawan di mana, hasil temu bual di atas mendapati perubahan sikap melahirkan aspek kesungguhan seseorang usahawan, proaktif, inovatif dan ketabahan. Dalam aspek kompetensi, Robles dan Zárraga-Rodríguez (2015), pula menyatakan, terdapat tiga (3) lapisan utama kompetensi usahawan yang merangkumi motivasi dan ciri-ciri, peranan sosial, dan konsep diri. Kualiti peribadi ini merupakan aset penting yang dapat memangkin perniagaan Agropreneur Muda ke arah kejayaan.

#### ***iv. Memperkasa kemahiran usahawan***

Aspek pembangunan kompetensi yang digilap melalui program pembelajaran dan latihan daripada (PAM) turut menyumbang kepada elemen kemahiran. Pemeriksaan kemahiran ini dipengaruhi oleh faktor bantuan sumber keperluan kepada usahawan bagi menangani isu kewangan serta faktor kekangan lain yang dihadapi dalam melancarkan perancangan aktiviti agro yang dijalankan. Hasil temu bual bersama Informan 3 jelas menyatakan bantuan geran berbentuk mesinindustri yang diperolehi membantu beliau dalam memperkasakan kemahiran penghasilan produk:

*“...Erm, pada saya sebelum saya menghadirkan diri dengan AGORA pendapatan bulanan saya cukup-cukup makan saja. Sebab tu saya boleh share dengan 3 orang sahaja. Bila saya menambahkan machine-machine yang diberikan oleh MARDI dan beberapa agensi lain saya boleh meningkatkan kapasti saya dan saya telah menambahkan lagi beberapa orang staff dan sekarang ni saya dah menghasilkan 9 orang staff termasuk dengan intern dan saya boleh meraih*


*pendapatan dalam RM100 ribu sebulan sedangkan sebelum saya tak hadir AGORA dulu RM 10,000 pun tak sampai. Itu sahaja lah saya boleh share....”.*

Hasil penyertaan PAM, Informan 1 dapat menghasilkan produk inovasi berasaskan nenas melalui sesi perkongsian kemahiran bersama usahawan lain yang menyertai program tersebut:

*“...Yang bagusnya kita berkongsi kemahiran dengan yang lain contohnya. Ada yang pandai buat tart nenas, ada yang boleh buat kek (pineapple, cheese kek) so benda tu berkait sebab bila kita berhubung tu maksudnya bila orang tu pandai inovasi, dia akan cuba untuk dapatkan ilmu dia atau pun GV amik skali produk dia jualkan ke....”.*

Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Norhidayati Hassan dan Muhammad Hussin (2018), elemen kemahiran merujuk kepada kebolehan seseorang individu yang diperlukan serta mudah dipamerkan. Kebolehan atau keupayaan seseorang individu melaksanakan sesuatu tugas dengan jayanya melalui kemahiran, hasil dari proses pembelajaran yang diperolehi. Berdasarkan hasil dapatan ini jelas menunjukkan komponen kemahiran yang diperolehi daripada PAM merupakan suatu keperluan kepada peserta Agropreneur Muda untuk membina kerjaya dengan cekap dan proaktif.

Berdasarkan tema yang terhasil daripada persoalan kajian bagaimana PAM menyumbang kepada pembangunan kompetensi dalam kalangan Agropreneur Muda jelas menunjukkan komponen pengetahuan, kemahiran, pengukuhan imej sendiri serta jaringan hubungan perniagaan merupakan keperluan Agropreneur Muda dalam mendepani cabaran dan halangan untuk membina kerjaya sebagai usahawan agro yang kompeten. Hasil perbualan bersama Informan juga jelas menunjukkan komponen pembangunan kompetensi yang diperolehi daripada PAM membawa kepada peningkatan prestasi dalam pengurusan perniagaan. Pembinaan elemen kompetensi ini berupaya membangunkan nilai kesungguhan, keyakinan dan kekuatan dalaman bagi mendepani cabaran yang mendatang dengan jayanya. Secara keseluruhannya penerangan ringkas yang menggambarkan jawapan kepada persoalan kajian ini adalah seperti Rajah 1 berikut:



**Rajah 1.** Ringkasan jawapan informan kepada persoalan kajian

## KESIMPULAN

Pembangunan kompetensi merupakan agenda penting memantapkan potensi belia agar berupaya menyumbang kepada ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan, berdaya saing dan berdaya tahan. Namun usaha pemantapan potensi pembangunan belia perlu melibatkan sokongan pelbagai pihak bagi mengukuhkan aspek pembangunan kompetensi belia ke arah memastikan potensi landasan kerjaya yang lebih kukuh serta kekal relevan pada masa hadapan. Dalam konteks pembangunan sumber manusia menurut McLean dan McLean (2001), potensi untuk membangunkan individu adalah berasaskan kepada pengetahuan, kepakaran, produktiviti dan kepuasan sama ada untuk kegunaan peribadi, kumpulan atau untuk komuniti, negara dan masyarakat. Hasil penelitian mendapati PAM menyumbang kepada pembangunan kompetensi dalam kalangan Agropreneur Muda meliputi empat (4) elemen iaitu peningkatan pengetahuan usahawan dalam perniagaan, memperkasakan kemahiran usahawan, mengukuhkan imej sendiri usahawan serta mewujudkan jaringan perniagaan yang berkesan.



Berasaskan teori Spencer dan Spencer (1993), elemen pengetahuan dan kemahiran merupakan kompetensi yang mudah dilihat (*visible*). Kedua-dua elemen ini dalam kategori kompetensi teknikal di mana amat diperlukan bagi membolehkan seseorang individu itu melakukan sesuatu tugas dengan sempurna. Ini jelas dinyatakan oleh informan kajian di mana pengetahuan asas perniagaan serta kemahiran yang diperolehi daripada PAM amat membantu dalam meningkatkan produktiviti serta kecekapan dalam pengurusan perniagaan. Dapatan mengukuhkan imej sendiri merupakan kompetensi yang terlindung (*hidden*) iaitu dalam kategori kompetensi kecekapan. Melalui PAM, Agropreneur Muda dapat membina keyakinan diri, meningkatkan motivasi, membina sikap untuk memajukan diri. Ianya berpadanan dengan dapatan kajian oleh Hamidah et al. (2017), yang mengadaptasikan teori (Spencer dan Spencer, 1993) di mana kesan tingkahlaku yang positif memberi refleksi kepada kejayaan seseorang individu. Jelas menunjukkan Agropreneur Muda memperolehi kejayaan kesan daripada pengukuhan imej sendiri yang terbina melalui PAM. Elemen mewujudkan jaringan perniagaan yang berkesan tiada dalam Model Kompetensi Iceberg, namun dapatan ini selari dengan kajian oleh Eccles dan Gootman (2002), yang menyatakan belia memerlukan akses kepada konteks persekitaran yang merangkumi peranan kerajaan dalam menyediakan peluang untuk mengembang jaringan perniagaan dan menyempurnakan kemahiran. Kajian ini telah menghubungkan Model Kompetensi Bungkah Ais Batu oleh Spencer dan Spencer (1993) dan konsep '5C' PYD bagi meneroka pembangunan kompetensi belia yang menyertai PAM.

Secara keseluruhannya, pengkaji membuat kesimpulan (PAM) dapat meningkatkan kompetensi Agropreneur Muda. Komponen pembangunan kompetensi yang terbentuk melalui PAM ini menjadi pemangkin kejayaan perniagaan Agropreneur Muda dalam membentuk belia yang bernilai tinggi sebagai pelapis masa depan negara serta penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dalam bidang agromakanan. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat mengubah persepsi dan tanggapan belia terhadap bidang usahawan agro di mana melalui peningkatan kompetensi berupaya menjana pendapatan serta mewujudkan peluang kebolehpasaran pekerjaan tinggi. Selain daripada itu, potensi belia memerlukan bimbingan serta sokongan secara inklusif melalui ekosistem persekitaran belia. Justeru itu pengkaji berharap pemeraksanaan program pembangunan kompetensi usahawan agro ini disemarakkan dengan mengambilkira aspirasi dan keperluan semasa Agropreneur Muda dalam membina kompetensi yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

## **RUJUKAN**

Abdul Rashid, S. M. R., & Hassan, F. (2020). Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa Pandemik COVID-19 di

Malaysia.GEOGRAFI,8(2),1-20.  
<https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.2.1.2020>

- Abdullah Hamid, A. (2014). "Development of an HR Practitioner Competency Model and Determining the Important Business Competencies: An Empirical Study in Malaysia" *International Journal of Management Excellence*, Vol. 3 No. 2.
- Ahmad. (2012). *Mission of Public Education in Malaysia: The Challenge of Transformation*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ahmad, M., Karim, A. A., Din, R. & Albakri, I. S. M. A. (2013). Assessing ICT competencies among postgraduate students based on the 21st Century ICT Competency Model. *Asian Social Science* 9(16 SPL): 32–39. doi:10.5539/ass.v9n16p32
- Antonic B. 2001. Organizational processes in intrapreneurial: A conceptual intergration. *Journal of Enterprising Culture* 9(2): 221-235.
- Baluku, M. M., Leonsio, M., Bantu, E., & Otto, K. (2018). The impact of autonomy on the relationship between mentoring and entrepreneurial intentions among youth in Germany, Kenya, and Uganda. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 25(2), 170–192.
- Berita Harian, 4 Ogos 2020. Tangani isu pengangguran belia Oleh Dr Muzaffar Syah Mallow -Ogos 4,2020@7:47am  
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/08/717683/tangani-isu-pengangguran-belia>Berita
- Bratton John and Gold Jeffrey, (1999). "Human Resource Management Theory and practice", second edition, published by MACMILLAN PRESS LTD.
- Brinckmann, J. (2008). *Competence of Top Management Teams and the Success of New Technology Based Firms: A Theoretical and Empirical Analysis Concerning Competencies of Entrepreneurial Teams and the Development of their Ventures*. Gabler, Wiesbaden.
- Boyatzis, R. E. (1982). *The competent manager: A model for effective performance*. New York: Wiley
- Boyatzis, R. E. dan D. A. Kolb. (1995). *From Learning Styles to Learning Skills: The Executive Skills Profile*. *Journal of Managerial Psychology*. 10(5): 3-17
- Boyatzis, R.E., (2008). *Competencies in the 21st century*. *J. Manag. Dev.* 27 (1), 5–12.

- Camuffo, A., Gerli, F. dan Gubitta, P. (2012), "Kompetensi penting: memodelkan keusahawanan yang berkesan di perusahaan kecil di timur laut Itali", *Cross Cultural Management: An International Journal*, Vol. 19 No. 1, hlm. 48-66. <https://doi.org/10.1108/13527601211195628>
- Carnevale, A. P. & Smith, N. (2013). Workplace basics: The skills employees need and employers want. *Human Resource Development International* 16(5): 491–501. doi:10.1080/13678868.2013.821267
- Cascio, W. F. & Montealegre, R. 2016. How Technology Is Changing Work and Organizations. *Annual Review of Organizational Psychology and Organizational Behavior* 3(1): 349–375. doi:10.1146/annurev-orgpsych-041015-062352
- Chang HJ (2010) Institutions and Economic Development: Theory, Policy and History. *Journal of Institutional Economics*, pp.1-26. 10.1017/S1744137410000378.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.) Thousand Oaks, CA : Sage Publications.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41, 29-38.
- Czerniawski, G. (2011). *Emerging Teachers and Globalisation*. New York: Routledge.
- D. Mohanakumaria1 And R. Magesh, 2017. Competency Development Through Training And Development: An Empirical Study. *Indian J.Sci.Res.* 14 (1): 69-70, 2017
- De Vos, A., De Hauw, S. and Willemse, I. (2015), "An integrative model for competency development in organizations: the Flemish case", *The International Journal of Human Resource Management*, Vol. 26 No. 20, pp. 2543-2568
- Eccles, J., & Gootman, J. (Eds.). (2002). *Community programs to promote youth development*. Washington, DC: National Academies Press
- Faeq Hamad Abed Mahidy Alhalboosi, (2018). Human Resource Development. <https://www.researchgate.net/publication/327546162>.

- Fullan, M. 2011. Makna Baru Perubahan Pendidikan: The New Meaning of Educational Change. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Guillén, L., & Saris, W. E. (2013). Competencies, personality traits, and organizational rewards of middlemanagers: A motive-based approach. *Human Performance*, 26(1), 66–92. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.1080/08959285.2012.736898>
- Hamidah, N., Zainon, R., Md Jenil, S. Z. & Yahya, R. (2017). Personaliti graduan yang menjadi tarikan organisasi. *Journal of Business Innovation* 2(1): 53–61
- Harding, J. (2019), *Qualitative data analysis: From start to finish*, Thousand Oaks, California: Sage.
- Haslinda, A., Dzuhailmi, D., Krauss, S.E., Abdul Hadi, S. & Azimi, H. (2014) Kesejahteraan Aset Belia Malaysia Kontemporari: Cabaran Awal Ke Arah Merealisasikan Dasar Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* (accepted for publication)
- Haziah Sa'ari, Jafalizan Md Jeli, Marlia Idrus & Hafiza Adenan. (2013). Mengukur Kompetensi Keusahawanan: Penanda Aras Prestasi Inovasi Pustakawan. *Proceeding of The International Conference on Social Science Research. ICSSR*. 4 – 5 Jun 2013. Penang, Malaysia Hussein
- Kasim, R.S.R., Zulkharnain, A., Hashim, Z., Ibrahim, W.N.W., Yusof, S.E., 2014. Regenerating youth development through entrepreneurship. *Procedia Soc. Behav. Sci.* 129, 322–327. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.03.683>.
- Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan. *Program Agropreneur Muda* <https://www.mafi.gov.my/agropreneur-muda> Le Dinh, T., Vu, M.C. and Ayayi, A. (2018), “Towards a living lab for promoting the digital entrepreneurship process”, *International Journal of Entrepreneurship*, Vol. 22 No. 1, pp. 1-17
- Mansor, R., Izham, M. & Hamzah, M. (2016). Kepimpinan Berkualiti : Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan 45(2015): 143–154 *Organizational Behavior* 3(1): 349–375. [doi:10.1146/annurev-orgpsych-041015-062352](https://doi.org/10.1146/annurev-orgpsych-041015-062352)

- Mehtap, S., Pellegrini, M. M., Caputo, A., & Welsh, D. H. B. (2017). Entrepreneurial intentions of young women in the Arab world: Socio-cultural and educational barriers. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 23(6), 880–902.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohd Nor Hakim Yusoff, Fakhrul Anwar Zainol & Mohamed Dahlan Ibrahim. (2015). Entrepreneurship education in Malaysia's public institutions of higher learning: A review of the current practices. *International Education Studies*, 8 (1), 17-28.
- Mohamad Izzuan Ishar, (2018). *Elemen keusahawanan dalam bidang kulinari*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (1). pp.
- Mohar Yusof, Leilanie Mohd Nor, Ainon Jauhariah Abu Samah & Rahayu Tasnim (2009). Proses pembelajaran dan Hubungannya dengan Keputusan Kerjaya Pelajar untuk Menjadi Usahawan : Kajian Ke Atas Pelajar-Pelajar Bacelor dan Diploma di Universiti Tun Abdul Razak. Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawanan. 2-3 Mac 2009, Shah Alam, Malaysia
- McClelland, D. (1973). Testing for competence rather than for “intelligence”. *American Psychologist*, 28(1), 1-14.
- McLagan, P. (1989). Model for HRD practice. Alexandria, VA: American Society for Training and Development
- McLean & McLean, (2001). If we can't define HRD in one country, how can we define it in an international context? *Human Resource Development International*, HRDI 4:3 (2001), pp. 313–326. Mitchelmore, S., and Rowley, J.: (2010). Entrepreneurial competencies: a literature review and development agenda. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. Vol.16, No.2, pp.92-111 (2010).
- Mohd Nor Hakim Yusoff, Fakhrul Anwar Zainol & Mohamed Dahlan Ibrahim. (2015). Entrepreneurship education in Malaysia's public institutions of higher learning: A review of the current practices. *International Education Studies*, 8 (1), 17-28.
- Mueller, M. K., Phelps, E., Bowers, E. P., Agans, J. P., Urban, J. B., & Lerner, R. M. (2011). Youth development program participation and intentional

self-regulation skills: Contextual and individual bases of pathways to positive youth development. *Journal of Adolescence*, 34(6), 1115–1125. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2011.07.010>

Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin & Rahmah Ismail. (2012). Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding Perkem Vii 1 (2012)*: 435-445.

Norasmah Othman. (2002). Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis. Universiti Putra Malaysia.

Norasmah Othman, Hajjah Halimah Harun, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Noraishah Buang. (2006). Pembentukan indeks tingkah laku keusahawanan golongan remaja Malaysia. Laporan akhir projek IRPA No. 07-02-02-0036 EA279

Norhidayati Hassan & Muhammad Hussin. (2018). Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Daerah Mersing. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018 (November): 18–50.

Nur Fatimah Abdullah Bandar, (2009). Budaya Kerja dan Kaitannya Dengan Profesionalisme Pengamal Kerja Belia. *Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*.

Oberländer, M., Beinicke, A. & Bipp, T. (2020). Digital competencies: A review of the literature and applications in the workplace. *Computers and Education* 146: 103752. doi:10.1016/j.compedu.2019.103752

Ooi, Y.K., Christopher, S. & Denny, M. (2011). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International journal of business and social science*. 2(4): 206-220.

Ravi Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi*

Robles, L., Zárraga-Rodríguez, M., (2015). Key competencies for entrepreneurship. *Procedia Econ. Finance* 23, 828–832. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\) 00389-5](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15) 00389-5).

- Rosmani Ali & NorAishah Buang. (2018). Kompetensi Keusahawanan Sebagai Mediator Kesiapan menerapkan Elemen Keusahawanan dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG). *Jurnal Pendidikan Malaysia* SI 1(1)(2018): 123-130.
- Sanghi, S. (2007). *The Handbook of competency mapping: Understanding, designing and implementing competency models in organizations* (3rd Ed). New Delhi: Mohan Cooperative Industrial Area Mathura Road
- Robson, C. (2002). *The analysis of qualitative data*. Blackwell.
- Rothwell, W.J. (2010). *Effective Succession Planning: Ensuring Leadership Continuity and Building Talent from Within*. Edisi ke-4. New York: American Management Association.
- Shuhairimi, A., Ku Halim, K.A., Julinawati, S., Ahmad Zulhusny, R., Mohd Mizan, M.A., Azizi, H., Abdul Jalil, R. & Azlini, H. (2012). *Keusahawanan: inovasi dan perniagaan*. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Solesvik, M(2013).: *Entrepreneurial motivations and intentions: Investigating the role of education major*. *Education+Training*. Vol.55, No.3, pp.253-271
- Spencer, L.M. & Spencer, S.G, (1993): *Competence at Work: Models for Superior Performance*. New York: Wiley
- Suzieyana Idris, Mohd Suhaimi Mohamad, Nor Ba'ayah Abdul Kadir, (2020). Hubungan Di Antara Aset Luaran Dan Tingkah Laku Antisozial Belia Yang Menetap Di Projek Perumahan Rakyat Kuala Lumpur *Jurnal Psikologi Malaysia* 34 (4): 1-13 Issn-2289-8174 Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor Swanson Richard A., & Holton Elwood F. (2001) *Foundations Of Human Resource Development*. Berrett-Koehler Publishers, Inc.
- Syed Zamberi Ahmad. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education + Training*. Vol. 55 No. 2, pp. 191-203.
- Taylor, D. W. (2008). The entrepreneur in youth: An untapped resource for economic growth, social entrepreneurship, and education. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 14(5), 367–369.

- Tolan, P., Ross, K., Arkin, N., Godine, N., & Clark, E. (2016). Toward an integrated approach to positive development: Implications for intervention. *Applied Developmental Science*, 20(3), 214-236
- Van der Heijden, B. I. J. M., Boon, J., Van der Klink, M., & Meijs, E. (2009). Employability enhancement through formal and informal learning: An empirical study among Dutch non-academic university staff members. *International Journal of Training and Development*, 13(1), 19-37.
- Van der Heijden, B. I. J. M., de Lange, A. H., Demerouti, E., & Van der Heijde, C. (2009). Age effects on the employability-career success relationship. *Journal of Vocational Behavior*, 74, 156-164.
- Van Laar, E., van Deursen, A. J. A. M., van Dijk, J. A. G. M. & de Haan, J. 2017. The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in Human Behavior* 72: 577-588. doi:10.1016/j.chb.2017.03.010
- Vasantham S. Tephillah, International, (2015), "BENEFITS OF HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT", *Journal of Research in Economics and Social Sciences*, Vol.5, Issue
- Vinesh, (2014), "Role of Training & Development in an Organizational Development", *International Journal of Management and International Business Studies*, Volume 4, Number 2, pp. 213-220
- Wedathanthrige, H. (2014, January). Personal Competencies for Innovation: A Case Study of Small and Medium Enterprises of Coir Industry in the North Western Province of Sri Lanka. *Ruhuna Journal of Management and Finance*, 1 (1). Retrieved from [http://www.mgt.ruh.ac.lk/rjmf/pdfs/RJMF0101\\_JA\\_p15.pdf](http://www.mgt.ruh.ac.lk/rjmf/pdfs/RJMF0101_JA_p15.pdf)
- Yuniar Aviati dan Teguh Endaryanto, (2020). Kajian Proses Pembelajaran dalam Penyuluhan Pertanian untuk Meningkatkan Kompetensi Kewirausahaan Petani Jagung Di Kabupaten Provinsi Jawa Tengah *Agritech Jurnal Fakultas Pertanian Universitas Muhammadiyah Purwokerto* 21(2):101
- Zahri Aziz. (2014). *Guru Berkualiti Penjana Pendidikan Berkualiti*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Zaidatol, A.L.P. (2007). *Usahawan dan keusahawanan: satu perspektif pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatol, A.L.P. & Abdullah Salleh, A.S. (2009). Exploring the entrepreneurial mindset of students: implication for improvement on entrepreneurial



learning at university. *The journal of international research*. 2(8): 340-345.

Zaidatol, A.L.P. & Hisyamuddin, H. (2010). *Memperkasa tekad keusahawanan pelajar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.